

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

HLT 203 - Teater Asia Tenggara

Masa: [3 jam]

---

Kertas Peperiksaan ini mengandungi ENAM (6) soalan dalam DUA (2) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Para pelajar dinasihatkan agar jangan menggunakan bahan-bahan yang sama bagi lebih daripada satu soalan.

1. Bincangkan bagaimana epik Ramayana atau Mahabharata digunakan dalam konteks teater Asia Tenggara. Dalam perbincangan anda diminta memberi contoh-contoh jenis teater yang sesuai.
2. Pengaruh Islam dan juga pengaruh Kristian adalah kuat di dalam teater tradisional di Asia Tenggara walaupun pengaruh-pengaruh tersebut dapat dilihat di kawasan-kawasan yang berlainan. Bincangkan bentuk-bentuk teater yang mempunyai samada (a) ciri-ciri agama Kristian atau (b) ciri-ciri agama Islam dan terangkan cara persembahan serta fungsi bentuk-bentuk teater tersebut.
3. Trance (keadaan lupa) sentiasa ditemui di dalam teater tradisional Asia Tenggara, dan biasanya trance digunakan untuk berhubung dengan kuasa-kuasa ghaib dengan tujuan yang tertentu. Pilih dua jenis teater-tari (dance theatre) tradisional di Asia Tenggara yang menggunakan trance, terangkan cara persembahan serta peranan bentuk-bentuk teater pilihan anda.
4. Wayang Kulit di Asia Tenggara dipentaskan dalam dua konteks, iaitu dalam keadaan biasa sebagai satu jenis teater yang menghiburkan audience dan dalam konteks ritual. Pilih dua contoh wayang kulit ritual di Asia Tenggara dan bagi setiap jenis bincangkan ciri-ciri utama, cara persembahan serta peranan.

5. Bincangkan ciri-ciri utama yang terdapat dalam opera Asia Tenggara serta proses perkembangan dan edaran opera di perantauan itu. Pilih salah satu daripada bentuk-bentuk opera berikut dan bincangkan kandungan serta cara persembahannya: (a) Zarzuela, (b) Likay.
6. Tuliskan dengan ringkas mengenai tiga (3) daripada tajuk-tajuk berikut:
  - (a) Topeng Pajengan
  - (b) Nat Pwe
  - (c) Bayuk
  - (d) Lakon Dewaruci
  - (e) Wayang Golek Menak

-ooooOOOoooo-